


**Persatuan Bulan Sabit Merah  
Malaysia**  
Cawangan Pulau Pinang  
26, Jalan Grove  
11400 Pulau Pinang, Malaysia  
TEL : 604-8275678  
FAX : 604-8277088  
EMAIL : admin@redcrescentpenang.org.my



# Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia Malaysian Red Crescent Society

**SULIT**

**PENAUNG KEBANGSAAN**

DYMM Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong

**PENAUNG CAWANGAN**

T.Y.T. Yang Di Pertua  
Negeri Pulau Pinang

**PENGERUSI KEBANGSAAN**

Y.M Tunku Tan Sri Dato' Shahrizan  
bin Tunku Sulaiman  
PSM, DIMP, ASDK, PJK

**PENASIHAT KEHORMAT CAWANGAN**

YBhg. Dato' Khoo Leong Hun  
DSPN, JMN, DJN, PKT, JP

Ir. Saw Ewe Yong  
BCN, PKT, PJK

En. Tan Teik Cheng

YBhg. Dato' Chan Hon Kwong  
DSPN, JSM, AMN, PKT, PJK, PJM, JP

**PENGERUSI CAWANGAN**

YBhg. Dato' B.J. Yeang  
DSPN, DJN, PKT, PJK

**TIMBALAN PENERUSI**

YBhg. Dato' Lim Tiong Chin  
DSPN, PJK

**NAIB PENERUSI I**

En. Loh Nam Hooi  
AMN, BKM

**NAIB PENERUSI II**

YBhg. Dato' Khoo Cheok Sin  
DSPN, PJK

**PENGARAH**

En. Chow Thian Pow  
PKT, PJK

**PEGAWAI PERUBATAN**

Dr. Somaskandar S.  
MBBS(MANG), Dip. Rep. Med. (MAL),  
M.Med. (O&G) (MAL)

**SETIAUSAHA KEHORMAT**

En. Ong Seng Suan

**BENDAHARI KEHORMAT**

En. Christopher Tan Tee Kheng

**PENOLONG PENGARAH LATIHAN**

En. Ng Kah Boon

**PENOLONG PENGARAH PBS**

En. Peh Cheah Lun

**PENOLONG PENGARAH BELIA**

En. Lim Kuo Shee  
PJK

**PENGUATKUASA JURURAWAT**

Cik Gan Cheng Geok

**KUARTERMASTER**

En. Yeoh Boon Aun

**AHLI-AHLI**

*Kutipan Derma*  
En. Philip Kang Chun Keong  
DJN, PJK

*Informasi & Publisiti*

Cik Hazliana Binti Mohamad Hussin

*Reaksi Bencana*

En. Muhamad Fariz Bin Daud

*Perkhidmatan Ambulans*

En. Chuah Soo Hoong

*Kesihatan & Perkhidmatan Masyarakat*

Dr. Kenneth Khoo Kay Leong

*Program Darah*

En. Kong Shih Hao

*Undang-Undang Kemamusiaan Antarabangsa*

En. Muthukumaran A/L Paramathmah

RUJ : ADM/AWD/001/16/OSS

21hb Julai 2016

Kepada : Semua Pengerusi Cabang  
Semua Penolong Pengarah Cawangan  
Semua Pengerusi Jawatankuasa Kecil Cawangan

Tuan / Puan,

## **ANUGERAH BSMM UNTUK TAHUN 2017**

Dengan hormatnya, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Cawangan Pulau Pinang menjemput semua Pengerusi Cabang, Penolong Pengarah Cawangan dan Pengerusi Jawatankuasa Kecil Cawangan untuk memajukan pencalonan Anugerah Bulan Sabit Merah Malaysia bagi tahun 2017, untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Anugerah Cawangan.

2. Pertimbangan pencalonan berdasarkan kepada garis panduan /kriteria berikut :
  - a. Pada keseluruhannya, anugerah ini adalah untuk mereka yang benar-benar telah menunjukkan taat setia dan perkhidmatan yang tidak berbelah bagi di dalam tempuh masa yang ditetapkan. Pencalonan ini meliputi kesemua ahli Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia termasuk Belia dan Dewasa. Semua aspek mengenai penglibatan khidmat Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia hendaklah diambil kira.
  - b. Setiap pencalonan hendaklah dikaji terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Anugerah peringkat Cabang, yang terdiri daripada Pegawai-Pegawai Kanan yang benar-benar berminat dan faham mengenai prinsip dan objektif PBSMM dan mampu memberi nasihat dan pandangan yang bernas terhadap pencalonan yang dikemukakan.
  - c. Cabang hendaklah menimbangkan pencalonan dari semua ahli-ahli Belia dan ahli-ahli PBS di dalam Cabang berkenaan dan tiap-tiap pencalonan hendaklah dipertimbangkan sewajarnya mengikut garis panduan bagi setiap anugerah yang dicadangkan.



- d. Jawatankuasa Anugerah peringkat Cawangan telah memutuskan bahawa pencalonan dari setiap Cabang adalah **terhad kepada 40 orang sahaja**.
- e. Seseorang yang dicalonkan untuk Pengurniaan sesuatu Pingat hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan bersih dan cemerlang.
- f. **PINGAT PERKHIDMATAN LAMA (PPL)** diperkenalkan pada tahun 1971. Hanya dianugerahkan setelah mencapai sepuluh (10) tahun perkhidmatan cemerlang yang berterusan di dalam pergerakan Bulan Sabit Merah Malaysia. Perlu diingatkan bahawa perkhidmatan berterusan yang dimaksudkan ialah khidmat yang diberikan dari **umur lapan belas (18) tahun ke atas dan BUKANNYA dari tarikh menjadi ahli Link atau Belia**. Satu BAR kepada PPL akan diberi untuk tiap-tiap lima (5) tahun perkhidmatan berterusan seterusnya.

g. **Keahlian Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia**

Sila ambil perhatian kepada keratan dari Minit Mesyuarat Majlis Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia yang diadakan pada 16.01.1977 dimana dinyatakan:

“Adalah diingatkan, bahawa mana-mana ahli yang tidak menjelaskan yuran keahlian mereka, maka mereka tidak diiktiraf sebagai ahli dan dengan itu tidak layak dicalonkan untuk sebarang penganugerahan”

- h. **Format Pencalonan** yang dilampirkan bersama-sama ini – “PENCALONAN UNTUK ANUGERAH BSMM BAGI TAHUN 2017”. Sekiranya tuan-tuan / puan-puan memerlukan salinan tambahan, sila buat salinan borang yang sama.
3. Cabang-cabang adalah juga diingatkan agar maklumat-maklumat berikut **tidak dilupai** semasa membuat pencalonan :
- a. Tarikh lahir calon.
  - b. Tarikh keahlian tiap-tiap kategori (Kanak-Kanak/Belia/Dewasa) hendaklah diisi dengan **tepat**. Penganugerahan bagi Pingat Perkhidmatan Lama (PPL) hanya akan dipertimbangkan bagi mereka yang menjadi ahli selepas umur 18 tahun ke atas.
  - c. **Ucapjasa (Citation)** - Setiap pencalonan hendaklah disertakan dengan “ucapjasa” yang padat dan tepat kandungannya. Sebagai panduan contoh “ucapjasa” disertakan bersama ini.
  - d. 1 keping gambar calon hendaklah disertakan
  - e. **TANDATANGAN** : Setiap “Ucapjasa” (citation) hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Cabang dan Cawangan.

- f. Borang pencalonan yang lengkap hendaklah di hantar satu (1) salinan dan **format di “Kembaran A” lengkap berserta ‘softcopy’**, bagi memudahkan pihak Cawangan dan IPK melaksanakan tugas dengan lancar.

4. Semua pencalonan Anugerah 2017 hendaklah sampai ke Ibu Pejabat Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Cawangan Pulau Pinang, 26, Jalan Grove, 11400 Pulau Pinang **selewat-lewatnya pada 5hb September 2016 (Hari Isnin)**.

Sila hubungi kami untuk keterangan lanjut sekiranya perlu. Sekian, terima kasih.

Yang benar,



ONG SENG SUAN  
Setiausaha Cawangan

s.k. Pengerusi Cawangan  
Pengarah Cawangan  
Naib-Pengerusi Cawangan  
Semua Setiausaha Kehormat Cabang

Dilampirkan :

1. Surat Anugerah BSMM Tahun 2017
2. Senarai Anugerah PBSMM
3. Garis Panduan & Peraturan Pencalonan
4. Borang Pencalonan
5. Contoh Ucapjasa (citation)
6. Kembaran A
7. Struktur Unit PBSMM